

Selasa 4 Disember 2012



DOA BUAT ELLA, AZHAR

SELEPAS lima bulan hidup sebagai pasangan suami isteri, ratu rock negara, Ella, 47, dan suaminya, Azhar, 32, meraikan kehidupan baharu mereka dalam sebuah majlis resepsi yang penuh meriah di Kelab Darul Ehsan, Ampang, Selangor (KDE) pada 1 Disember lalu. Tidak banyak yang dipinta pasangan tersebut, kecuali doa agar rumah tangga mereka kekal hingga ke akhir hayat.

Ella dan Azhar juga berkongsi cerita tentang pengalaman hidup bersama dan impian untuk menunaikan umrah sebagai tanda kesyukuran kerana dipertemukan jodoh.



ELLA dan Azhar mengamalkan sikap toleransi dan berkongsi kegemaran yang sama untuk mengekalkan kemesraan mereka.



SAFIYANA SALIM

Kunci bahagia Ella, Azhar

JODOH itu rahsia Allah SWT, begitu ungkapan yang keluar daripada mulut pasangan pengantin Ella atau Norzila Aminuddin dan Azhar Ghazali pada majlis resepsi mereka, di Kelab Darul Ehsan, Ampang, Selangor (KDE), 1 Disember lalu.

Ungkapan tersebut keluar daripada mulut mereka apabila membicarakan tentang pelayaran cinta yang ditempuh bertahun lamanya sehingga ia diakhiri dengan ikatan perkahwinan.

Seperti kata Azhar, dia sendiri tidak menyangka, perkenalan sembilan tahun lalu dengan penyanyi legenda rock tanah air tersebut akan menukar status dirinya daripada seorang peminat kepada suami buat Ella.

Ella sendiri sepanjang perjalanan hidupnya, bukan seorang dua lelaki yang pernah dikenali, namun akhirnya tanpa disedari hatinya terpaut kepada juruterbang penerbangan tambang murah, Firefly tersebut.

Sebab itu mereka sepakat mengatakan bahawa jodoh merupakan rahsia Allah SWT.

"Niat yang baik, sentiasa berakhir dengan positif," tambah Azhar lagi dengan tutur kata yang teratur dan sopan.

Kini, selepas melewati usia lima bulan menjadi pasangan suami isteri setelah bernikah pada 7 Julai lalu, Ella dan Azhar mengaku kehidupan mereka cukup bahagia.

"Alhamdulillah, kami sedang menikmati kehidupan yang bahagia. Sebenarnya, perjalanan rumah tangga kami sama sahaja dengan perjalanan rumah tangga pasangan lain, tiada apa yang berbeza," dedah Ella pula.

Azhar kemudian menyambung, biar mereka mempunyai jadual kerja yang selalu bertembung, namun sebolehnya dia akan mencuri masa untuk dihabiskan dengan isteri tercinta. Jika pu-



Oleh MALIAH SURIP
maliah.surip@kosmo.com.my

nya waktu emas untuk dihabiskan bersama, pasangan tersebut akan melakukan aktiviti luar seperti berkelah di air terjun dan bersenam bersama.

"Oh, baru-baru ini, Azhar juga ajar saya cara memandu kapal terbang," ujar Ella penuh teruja sebelum secara berseloroh, Azhar memberitahu: "Kalau saya sakit, dia boleh ganti memandu."

Kebahagiaan mereka juga terlihat jelas apabila Ella yang duduk di sebelah Azhar memegang erat tangan suaminya itu selain memberi peluang Azhar menjawab persoalan media.

Sering kali penyanyi tersebut bercanda dalam banyak bicara dengan media, termasuk saat dilontar persoalan, sudahkah dia mula memasak untuk suaminya itu.

"Macam mana nak masak, kalau setiap kali mahu memasak, dia akan peluk saya dari belakang," jawab Ella manja sambil diiringi tawa daripada semua tetamu yang mendengar jawapan jujur penyanyi kelahiran Klang, Selangor tersebut.

Sementara itu, melontarkan persoalan kepada Azhar tentang perubahan hidupnya kini yang menjadi suami kepada penyanyi popular, akui lelaki berusia 32 tahun tersebut, dia mula dikenali banyak orang. Namun, hal tersebut langsung tidak mengganggu kehidupannya.

"Ya, sudah ramai orang yang semakin mengenali saya sebagai suami Ella, tetapi ia tidak mengubah corak hidup

MELAYARI alam rumah tangga selama lima bulan, Ella dan Azhar memberitahu, mereka menjalani kehidupan suami isteri seperti pasangan yang lain.

«saya. Sepanjang tempoh lima bulan menikahi Ella dan semakin dikenali ramai, saya hanya menjadi diri sendiri yang sebenar dan membawa diri saya sebaik mungkin pada mata khalayak. Saya senang begini,” ujar Azhar.

Tambahnya lagi, asuhan dan didikan daripada keluarga dan pergaulannya sehari-hari juga banyak membantu dia dalam berhadapan dengan situasi baharu apabila menerima tempas populariti isterinya yang menjadi pujaan ramai.

Ella kemudian menambah, dia cukup senang dengan perwatakannya suaminya yang tidak berubah dan menjadi diri sendiri. Paling membahagiakannya apabila Azhar tidak cepat melenting dengan hal-hal remeh yang selalu menjadi permainan dunia hiburan.

Kata penyanyi berusia 47 tahun itu: “Suami saya seorang yang tenang dalam apa situasi pun, tidak cepat melatah dan seorang yang rasional terhadap apa sahaja perkara. Sebab itu saya sangat bersyukur kerana dinikahi oleh lelaki yang amat memahami diri dan karier saya.”

Reda

Menjadi sesuatu perkara yang klise, sebaik berumah tangga, soalan wajib yang akan ditanya kepada pasangan pengantin baharu adalah tentang zuriat.

Mengambil tanggungjawab menjawab persoalan tersebut, Azhar memberitahu, mereka tidak mempunyai perancangan keluarga, sebaliknya me-



ELLA memberitahu dia baru mengambil suntikan Rubella sebagai usaha untuk mendapatkan zuriat bersama suaminya, Azhar. Dia bagaimanapun dinasihatkan doktor untuk mula merancang kehamilan selepas tiga bulan suntikan virus tersebut diambil.

nyerahkan soal rezeki tersebut kepada Allah SWT.

“Kami berusaha untuk memperoleh anak, tetapi segalanya bergantung kepada keizinan Dia. Jika diperkenan, Alhamdulillah, jika tidak, kami reda,” ujar Azhar penuh sopan.

Malah Ella yang diajukan persoalan sama ada dia cemburu atau tidak kepada pelakon Diana Danielle yang baru sebulan dinikahi Farid Kamil sudah hamil, dia pantas menggelengkan kepala sambil menjawab tidak perlu berasa cemburu.

Katanya: “Saya tak cemburu, tapi mahu ucap tahniah buat mereka berdua. Insha-Allah, kalau ada rezeki buat kami timang cahaya mata, pasti ada nanti.”

Umrah

Umpama satu tradisi bagi setiap pasangan pengantin baharu, agenda berbulan-

madu menjadi ritual wajib untuk mereka meraikan kemenangan cinta yang disimpulkan dengan ikatan sah.

Tidak terlepas bagi Ella dan Azhar. Mengaku sudah beberapa kali berbulan madu di dalam negeri dan pulau-pulau kegemaran mereka, namun ada sebuah destinasi yang menjadi misi mereka untuk dijejaki pada tahun hadapan.

Mereka mahu menikmati manis dan mencari berkat ikatan rumah tangga dengan berbulan madu ke Madinah dan Mekah dalam rangka menunaikan umrah bersama-sama.

“Sebelum mahu ke negara lain untuk berbulan madu, kami ingin melaksanakan impian untuk menziarah Madinah dan Mekah dulu. Kami mahu menunaikan umrah buat pertama kali sebagai pasangan suami isteri. Bagaimanapun kami belum mempunyai ketetapan waktu untuk menunaikan umrah,” ujar Azhar.

Trivia

● Ella dan Azhar menyifatkan konsep resepsi perkahwinan mereka sebagai smart rock & roll. Ella memakai dua persalinan dengan rambutnya kemas disanggul tinggi, manakala Azhar memakai dua sut berwarna putih dan kelabu.

● Kos majlis resepsi mereka dianggarkan bernilai RM200,000 dengan sebahagiannya merupakan tajaan daripada beberapa pihak dan sebahagian lagi menggunakan duit pasangan pengantin itu sendiri.

● Ella dan Azhar sempat berduet lagu hit Ella iaitu *Simbiosis* pada malam resepsi tersebut.

● Vokalis Search, Amy, yang mendendangkan lagu *Rozana* dan ditukar lirik kepada Norzila (merujuk kepada Ella) menyifatkan Azhar sebagai seorang lelaki yang tinggi budi pekerti.

● Ella menerima RM50,000 sebagai wang hantaran dengan tujuh dulang hantaran sewaktu bernikah pada 1 Julai 2012.

● Jika tidak bekerja, Azhar menemani Ella mengadakan persembahan di merata tempat.

● Masakan kegemaran Azhar yang dimasak Ella adalah kari. Dia menggelarkan masakan tersebut sebagai Curry Hell.



PENYANYI Amy Search yang begitu rapat dengan Ella dan Azhar sempat mendendangkan sebuah lagu pada majlis resepsi pasangan pengantin tersebut.

Hutang dua majlis

SELAMAT bernikah pada 7 Julai 2012 di kediaman keluarga Ella di Teluk Gadong, Klang Selangor dan melangsungkan resepsi pertamanya di KDE pada 1 Disember lalu, penyanyi yang menerima mas kahwin sebanyak RM5,300 itu bakal melalui dua lagi majlis resepsi sempena meraikan cinta mereka.

Pasangan tersebut bakal mengadakan majlis bertandang di kediaman pihak lelaki di Muar, Johor, pada 8 Januari 2013.

Ella juga merancang sebuah lagi majlis resepsi yang masih belum diputuskan tarikh dan lokasi khusus buat saudara-maranya yang tidak dapat hadir ke majlis resepsi yang diadakan di KDE.

“Insha-Allah, selepas majlis bertandang di pihak lelaki, saya merancang sebuah lagi majlis resepsi untuk sanak saudara saya yang tidak dapat hadir ke majlis resepsi pertama saya. Kalau boleh,

saya mahu seluruh keluarga dapat meraikan kebahagiaan saya, sebab itu akan ada sebuah majlis resepsi lagi. Cuma tarikh dan lokasinya belum ada,” ujar Ella.

Sementara itu, mengulas mengenai pemilihan tarikh resepsi perkahwinan mereka yang mengambil tempoh lima bulan selepas berkahwin, Azhar menjelaskan, jika mengikut perancangan awal, mereka merancang untuk bernikah pada tarikh 1 Disember 2012 yang akhirnya dipilih sebagai tarikh resepsi mereka.

Sebaliknya, mereka kemudian mengambil keputusan untuk bernikah lebih awal iaitu pada 7 Julai 2012 kerana berpendapat adalah lebih mudah sekiranya mereka berkahwin awal dan kemudian menguruskan hal yang berkaitan seperti resepsi dan sebagainya selepas sah bergelar suami isteri.